

BAB 7
PERBANDINGAN HABS DI DALAM AMALAN
DOKUMENTASI PEMULIHARAAN BANGUNAN
WARISAN DI MALAYSIA DAN AMERIKA
SYARIKAT

Sahrudin Mohamed Som

PENGENALAN

Dokumentasi memainkan peranan penting di dalam proses pemuliharaan bangunan warisan. Penekanan untuk melaksanakan dokumentasi ini telah dinyatakan di dalam piagam dan garis panduan berkaitan pemuliharaan sama ada di peringkat antarabangsa mahupun nasional. Di antara piagam terawal yang menyentuh kepentingan dokumentasi adalah Piagam Venice (1964). Artikel 16, Piagam Venice (1964) menyatakan dengan jelas keperluan untuk sentiasa melaksanakan dokumentasi bagi semua kerja pemeliharaan, pemulihan atau penggalian yang melibatkan tapak warisan. Dokumentasi juga perlu sentiasa tepat, bersifat analitik dan kritikal serta dilengkapi dengan ilustrasi berbentuk fotografi atau lukisan (ICOMOS, 2008). Sementara di peringkat nasional, kepentingan dokumentasi telah diterjemahkan di dalam Bahagian 4, Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara (2017). Selain menerangkan keperluan dokumentasi bagi kerja pemuliharaan bangunan warisan, garis panduan juga secara khusus menyenaraikan jenis-jenis dokumentasi yang diperlukan seperti Laporan Kajian Awalan, Laporan Kajian Dilapidasi, dan Laporan HABS.

Malaysia mempunyai bilangan bangunan warisan yang banyak, bertaburan di seluruh negara dan penting untuk dipulihara. Sehingga kini tidak dapat dipastikan dengan tepat bilakah usaha pemuliharaan